



PROF. Datuk Taufiq berinteraksi bersama pelajar sekolah menengah dalam program Bicara Saintis.



DR. IHSAN Ismail merakamkan gambar bersama tetamu kehormat dan peserta program.

U-Science UMS bantu galak pelajar sekolah minat bidang STEM

NST 13.03.2020 4

KOTA KINABALU: U-Science yang diwujudkan di bawah Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menggiatkan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan minat pelajar sama ada dari peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan menengah atas dan tertiar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, U-Science merupakan pusat perkhidmatan STEM setempat dan Hub STEM di UMS kepada pelbagai peringkat sekolah.

“U-Science dipertanggungjawabkan untuk menggalakkan minat pelajar terhadap STEM, sekali gus menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam bidang STEM bagi menyediakan lebih ramai murid yang berkelayakan dapat meneruskan pengajian di peringkat tertiar dalam bidang sains dan teknologi serta memenuhi keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri bagi memacu ekonomi Malaysia.

“Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk memacu pembangunan ekonomi negara yang berlandaskan Revolusi Industri 4.0,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ketika merasmikan Pra-Pelancaran U-Science dan Program STEM4ALL@UMS, Peringkat UMS di Ruang Megalab, Perpustakaan UMS.

Prof. Taufiq turut memaklumkan, U-Science menganjurkan Program STEM4ALL@UMS dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Pusat STEM Negara, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Planetarium Negara, Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Pusat Sains Negara dengan tujuan untuk sebaran, kesedaran pendidikan, pembudayaan dan pemeraksanaan STEM kepada sasaran peserta yang terdiri daripada warga & pelajar UMS, pelajar dan guru sekolah sekitar Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang dan Papar, pelajar universiti dan kolej swasta serta institut perguruan di Sabah.

“Saya dimaklumkan lebih 31 penyertaan dari agensi luar dan dalaman UMS serta pihak industri dari pelbagai bidang seperti Marine, Terrestrial Biodiversity, Robotics, Astronomy, Coding, Kejuruteraan, Bioteknologi, Food Science, Aviation, Gamification in education dan banyak lagi terlibat dalam program sepanjang dua hari ini.

“Lebih 50 pelajar juga terlibat di dalam pembangunan pengetahuan sebagai fasilitator dan pempamer yang datang dari pendidikan sains dan sains sosial, dan saya lihat ini akan menggalakkan pemantapan di dalam pembudayaan STEM di UMS,” kata Prof. Datuk Taufiq.